

07 OCT 1996

Anwar - Batal

ENAM CALON MT DAN SEORANG CALON EXCO PEMUDA DIGUGURKAN

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Enam calon Majlis Tertinggi (MT) dan seorang calon exco Pergerakan Pemuda Umno digugurkan daripada senarai pemilihan parti itu kerana terbukti terlibat dengan politik wang, salah guna kuasa dan melanggar larangan berkempen, kata Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Anwar, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, berkata enam calon MT yang digugurkan ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Mohd Shariff Omar serta empat anggota exco Kerajaan Negeri dan seorang anggota Parlimen.

Katanya, anggota-anggota exco Kerajaan Negeri ialah Datuk Mohd Aini Taib (Selangor), Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah (Perak), Haji Adam Abdul Hamid (Johor) dan Datuk Dr Latiff Mirasa (Pulau Pinang) manakala anggota Parlimen ialah Datuk Salamon Selamat, yang juga Ketua Umno Bahagian Shah Alam (Selangor).

"Keputusan ini dibuat oleh mesyuarat Jawatankuasa Khas MT yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tengah hari tadi selepas menimbangkan segala maklumat dan bukti yang diterima dari Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin," katanya pada persidangan berita di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Anwar berkata, calon exco Pemuda yang digugurkan pula ialah Ayob Mat Aris dari Selangor.

Katanya, calon-calon yang digugurkan itu masih layak menjadi perwakilan kecuali Adam dan Ayob kerana kes mereka lebih berat daripada calon-calon lain.

Selain pengguguran enam calon MT dan seorang calon exco Pemuda, Jawatankuasa Khas itu juga menggugurkan 16 anggota parti, termasuk Adam dan Ayob, daripada senarai perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno dari 9 hingga 12 Okt ini, kata Anwar.

Beliau berkata mereka yang hilang kelayakan sebagai perwakilan merupakan lapan perwakilan dari Kedah dan masing-masing dua dari Kelantan, Selangor dan Johor serta masing-masing seorang dari Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tanpa menyebut secara terperinci jumlah wang atau kesalahan yang dilakukan oleh setiap calon dan perwakilan itu, beliau berkata, tindakan yang diambil terhadap mereka adalah wajar kerana amaran telah diberikan berulang kali tetapi mereka masih mengingkarinya.

"Berdasarkan kepada senarai mereka yang digugurkan adalah jelas bahawa kami tidak memilih bulu dalam melaksanakan tugas," katanya.

Sebagai contoh, Anwar berkata, Salamon pernah menjadi Setiausaha Politik beliau, Dr Abdul Malek merupakan bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri manakala Mohd Shariff ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Bagaimanapun, katanya, kes-kes mereka tidaklah seberat beberapa kes lain yang masih disiasat seperti aduan terdapatnya seorang calon Ketua Pemuda yang meminta perwakilan bersumpah dengan Al-Quran untuk menyokongnya.

"Kita belum ada maklumat yang kukuh tetapi memainkan sumpah dengan Al-Quran itu bagi saya satu kesalahan berat dan saya harap ahli-ahli Umno yang faham agama tidak diperalatkan," katanya.

Beliau tidak menolak kemungkinan bukti-bukti akan dapat dikumpul dan tindakan diambil terhadap calon itu sebelum pemilihan Pemuda dijalankan Rabu ini.

"Proses penyiasatan akan terus dijalankan sehingga saat-saat terakhir dan tindakan juga boleh diambil selepas pemilihan," katanya.

Anwar berkata, Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno juga mendapat maklumat bahawa beberapa calon sudahpun bersedia untuk menawarkan sejumlah wang sehingga lebih RM5,000 bagi setiap undi pada saat-saat akhir menjelang pemilihan parti.

Katanya, pada saat-saat akhir ini juga terdapat perwakilan yang mengugut calon kerana berpendapat calon-calon berada dalam keadaan terdesak untuk mendapatkan undi selepas segala saluran berkempen ditutup oleh MT melalui beberapa peraturan tegas yang dikeluarkan sebelum ini.

"Sebab itu kita membuat keputusan untuk mengambil sikap tegas kerana kalau kita mengikut proses biasa maka perhimpunan akan berlalu Mereka boleh merayu kepada Majlis Tertinggi tetapi keputusan yang dibuat oleh presiden (Dr Mahathir) bahawa kita bertegas dalam pendirian dan tidak mahu salah anggapan bahawa prinsip perjuangan boleh dikorban dan digadai dengan murah," katanya.

Katanya, setakat ini tidak ada nama calon atau perwakilan Pergerakan Wanita yang dikaitkan dengan politik wang, salah guna kuasa dan larangan berkempen.

Ketika ditanya mengenai kedudukan dalam kerajaan bagi calon-calon yang digugurkan daripada senarai pertandingan, Anwar berkata: "Itu perlu dibincangkan dengan Perdana Menteri. Pada masa ini kita hanya mengambil tindakan parti".

Katanya, kesemua calon dan perwakilan yang digugurkan itu belum lagi dimaklumkan mengenai keputusan Jawatankuasa Khas itu. -- BERNAMA

AH HS OBA